

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

LANJUTAN WAKTU OPERASI KAUNTER BAGI PEMBELIAN TIKET AWAL (ADVANCE BOOKING) PERKHIDMATAN TREN ETS DAN INTERCITY

28 Disember 2018 (Jumaat) - Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) ingin memaklumkan bahawa berkuatkuasa pada hari ini, waktu operasi kaunter bagi pembelian tiket awal (*advance booking*) perkhidmatan tren ETS dan Intercity akan dilanjutkan sehingga jam 10.30 malam.

Waktu operasi kaunter bagi pembelian tiket awal (*advance booking*) perkhidmatan tren ETS dan Intercity sebelum ini adalah pada jam 8.30 pagi hingga jam 6.30 petang sahaja. Inisiatif ini dilaksanakan bertujuan untuk memudahkan para pengguna perkhidmatan tren ETS dan Intercity membuat pembelian tiket terlebih dahulu sebelum tarikh perjalanan.

Berikut merupakan jadual waktu terkini operasi kaunter:

Waktu Operasi Kaunter di Lembah Klang			Waktu Operasi Kaunter di Wilayah Utara			
1	Pelabuhan Klang	0830 - 2230			Waktu Sekarang	Waktu Baharu
2	Klang	0830 - 2230	1	Padang Besar	0500 - 2200	0500 - 2230
3	Shah Alam	0830 - 2230	2	Arau	0530 - 2200	0530 - 2230
4	Subang Jaya	0830 - 2230	3	Alor Setar	0530 - 2300	Kekal
5	Kepong Sentral	0830 - 2230	4	Sg. Petani	0530 - 2300	Kekal
6	Kepong	0830 - 2230	5	Bukit Mertajam	0600 - 2230	Kekal
7	Sg. Buloh	0830 - 2230	6	Butterworth	0430 - 2230	Kekal
8	Rawang	0830 - 2230	7	Parit Buntar	0600 - 2130	0600 - 2230
9	Tg. Malim	0830 - 2230	8	Taiping	0500 - 2300	Kekal
10	Kuala Kubu	0830 - 2230				
11	Batang Kali	0830 - 2230				
12	Serdang	0830 - 2230				
13	Kajang	0830 - 2230				
14	Seremban	0830 - 2230				
15	KL Sentral	0530 - 0030				
16	Kuala Lumpur	0645 - 2210				

Untuk keterangan lanjut berhubung lanjutan waktu operasi kaunter ini, para pengguna perkhidmatan tren ETS dan Intercity boleh menghubungi Pusat Panggilan KTMB di talian 03-2267 1200.

. . .

Dikeluarkan oleh
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Keretapi Tanah Melayu Berhad